



PEJABAT PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIT PENGINDEKSAN

MINIT MESYUARAT UNIT PENGINDEKSAN BIL.1/2010

Tarikh : 9 April 2010 (Jumaat)
Masa : 3.00 Petang
Tempat : Bilik Perbincangan, Unit Pengindeksan

Kehadiran.

- | | | |
|--|---|-----------------------------|
| • En. Azman Bin Hj. Ayup | - | Pengerusi/ Pustakawan Kanan |
| • En. Mohd Mawardi Bin Badruddin | - | Pustakawan |
| • Pn. Fauziah Binti Hassan | - | Pustakawan |
| • Pn. Rohana Binti Hashim | - | Pencatat minit |
| • Pn. Mi Azian Binti Ab. Karim | - | Pembantu Perpustakaan |
| • En. Thaqif Bin Mohd Isa | - | Pembantu Perpustakaan |
| • Puan Nik Nur Hazlinda Binti Nik M Yusoff | - | Pembantu Tadbir Rendah |

Tidak Hadir Dengan Maaf

- | | | |
|-----------------------------------|---|-----------------------|
| • Pn. Nurul Akmar Binti Mehat | - | Pustakawan |
| • En. Ahmad Bin Abu Bakar | - | Pembantu Perpustakaan |
| • En. Abdul Halim Bin Abdul Mokte | - | Pembantu Am Pejabat |

Pendahuluan

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi. Mesyuarat kali pertama bagi tahun 2010 ini membincangkan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh semua staf khususnya di Unit Pengindeksan.

1.0 Makluman Dari Atas.

Berikut adalah beberapa perkara yang telah disampaikan oleh Pengerusi berdasarkan mesyuarat jabatan untuk makluman dan tindakan lanjut daripada semua staf Pengindeksan :-

- 1.1 Pengerusi telah memaklumkan bahawa Unit Pengindeksaan telah mendapat pujian daripada Ketua Pustakawan kerana telah berjaya menceriakan Unit Pengindeksaan. Pengerusi juga berharap, semua staf dapat mempertingkatkan lagi keceriaan di Unit Pengindeksan dari semasa ke semasa.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa Unit Perolehan Jurnal akan terus melanggan jurnal bergantung kepada keperluan pengguna dan jumlah bajet sedia ada.
- 1.3 Pengerusi juga memaklumkan bahawa jumlah bahan yang belum ditampal tag RFID sehingga adalah Mac 2010 sebanyak 8,194 naskah dan Unit Automasi telah membeli tag RFID baru sebanyak 5,000 keping melanggan tidak boleh digunakan kerana sistem yang sedia ada tidak dapat mengaktifkan tag RFID tersebut melainkan pembelian sistem baru.
- 1.4 Pengerusi memberitahu perkhidmatan perpustakaan di Kampus Bandar akan dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam, manakala perkhidmatan perpustakaan di Kampus Induk pula akan beroperasi sehingga 7.00 malam bergantung kepada statistik kehadiran pengguna.
- 1.5 Untuk makluman semua staf sokongan kerja lebih masa akan dijalankan seperti biasa sehingga satu keputusan diperolehi daripada pihak pentadbiran
- 1.6 Pengerusi memaklumkan, waktu minum pagi telah ditetapkan selama 20 minit sahaja sepermula yang telah ditetapkan oleh Unit Pentadbiran.

1.7 Pengerusi meminta semua Staf Unit Pengindeksan supaya menyerahkan statistik bulanan sebelum 4hb kepada Pustakawan masing-masing untuk semakan dan ditandatangani oleh Ketua Unit dan Pustakawan untuk diserahkan kepada Unit Pentadbiran.

1.8 Pengerusi meminta semua staf Unit Pengindeksan menyiapkan Sasaran Kerja Tahunan Awalan untuk dimuat turun ke dalam system mulai 19/4/2010 sehingga 30/4/2010 .

2.0 Perkara Berbangkit.

Terdapat juga beberapa perkara serta isu-isu berbangkit yang turut dibincangkan dalam mesyuarat pada kali ini dan memerlukan tindakan susulan daripada staf Pengindeksan :-

2.1 Statistik pengeluaran Unit Pengindeksan bagi bulan Januari sehingga Mac tidak mencapai sasaran ditetapkan. Pengerusi memaklumkan kaedah lain akan digunakan untuk mendapatkan maklumat bahan di laman web universiti lain seperti UTHM, UKM , UMP dan lain-lain agar pengeluaran bahan dari unit dapat dipercepatkan.

Tindakan : Semua

2.2 Pengerusi memaklumkan kepada semua staf Pengindeksan bahawa ‘Buku Log’ keluar 2 jam telah disediakan dan perlu diisi bagi memudahkan semua pihak mengetahui tarikh akhir permohonan keluar 2 jam .

Tindakan : Semua

2.3 Puan Rohana memaklumkan kepada semua bahawa kerja-kerja mengeluarkan “Control Number” yang terdapat dalam “Buffer” telah berkurangan dari masa ke semasa.

Tindakan : Makluman

2.4 Berdasarkan mesyuarat jabatan, Pengerusi memaklumkan bahawa Ketua Pustakawan telah menetapkan pada pertengahan tahun 2010 pengeluaran PSM tahun 2008 dan 2009 perlu dikatalog bagi membolehkan pengguna membuat rujukan. Selain daripada itu, Koleksi Khas Negeri Melaka juga perlu dikatalog dengan segera.

Tindakan : Pustakawan

2.5 En. Mohd Mawardi memaklumkan Buku pelbagai bahasa telah dikatalog dari masa ke semasa, manakala bahan yang tidak dapat dikatalog akan dirujuk kepada pensyarah-pensyarah Pusat Bahasa bagi menyelesaikan masalah pengindeksan bahan-bahan tersebut. Bagi bahan yang telah dikatalog, Puan Mi Azian akan mengambil statistik bagi mengetahui kuantiti sebenar buku bahasa yang telah dikeluarkan. Walaubagaimanapun jika tiada penyelesaian, bahan diserahkan kepada Unit Perolehan.

Tindakan : En. Mohd Mawardi dan Mi Azian

2.6 Pengerusi memaklumkan bahawa, setiap hari Jumaat, tazkirah jabatan akan diadakan dari jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi dan semua staf diwajibkan hadir kecuali staf unit yang terlibat dengan tugasannya dikaunter.

Tindakan : Semua

2.7 Pengerusi telah memaklumkan, projek novel yang perlu diperbetulkan no. cutter/ no. panggilan sebanyak 179 judul/ 186 naskah. Sehingga kini bahan yang telah selesai dibaiki sebanyak 90 judul/90 naskah dan baki selebihnya 89 judul/ 96 naskah akan diselesaikan sebelum 31 Mei 2010.

Tindakan : Pn. Nurul Akmar / Rohana

3 Penangguhan mesyuarat

Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.00 petang dengan bacaan tasbih kifarah dan surah Al-Asr.

Disediakan oleh :



Rohana Binti Hashim

Pencatat minit

Disahkan oleh :



En. Azman Bin Hj. Ayup

Pengerusi